

## **Penggunaan Huruf Yā' dalam Struktur Ayat Sintaksis Arab: Kajian dalam kalangan pelajar Madrasah Alsagoff Al-Arabiah, Singapura**

ZAUWIAH BINTE ABIDIN  
Madrasah Alsagoff Al-Arabiah  
zauwiah\_abidin@alsagoff.edu.sg

### **ABSTRAK**

Huruf Yā' merupakan salah satu huruf hijaiyyah yang mempunyai pelbagai fungsi dalam sintaksis bahasa Arab. Namun, pemahaman majoriti pelajar lebih tertumpu pada satu fungsi iaitu sebagai ضمير (kata ganti nama) *Li'* yang bermaksud 'saya'. Pelajar menghadapi kekeliruan dalam membezakan penggunaan huruf tersebut. Justeru, kertas kerja ini bertujuan mengenal pasti ketetapan pelajar menggunakan huruf Yā' dalam struktur ayat. Dengan menggunakan metode kualitatif, kajian ini dijalankan dengan berpandukan kerangka teori revisi Taksonomi Bloom untuk mengukur tahap kognitif responden. Berdasarkan ujian bertulis, temu bual dan perbandingan terhadap lapan orang responden bermula dari darjah enam hingga menengah tiga di Madrasah Alsagoff Al-Arabiah, cara mereka mengaplikasi fungsi Yā' di dalam struktur ayat dikenalpasti. Hasil dapatan menunjukkan tahap ketiga 'mengaplikasi' adalah aras menima untuk mendapatkan ketetapan penggunaan huruf Yā' dalam struktur ayat. Oleh itu, dapatan dari kajian ini dijangka dapat membantu para pengajar merangka, mempelbagaikan dan menambahbaik pengajaran bahasa Arab khususnya bagi subjek sintaksis.

Kata Kunci: Huruf Yā', Sintaksis Arab, Madrasah Alsagoff Al-Arabiah, Singapura.

### **1.0 PENDAHULUAN**

Sintaksis Arab merupakan salah satu ilmu yang amat mendalam dan meluas kerana ia berkait rapat dengan kitab suci al-Quran (Suhaila Zailani et al, 2012). Menurut Ibn Khaldun dalam Muqaddimah, ilmu sintaksis merupakan cabang utama dalam mempelajari bahasa Arab dan salah satu dari empat rukun yang amat penting untuk memahami al-Quran, Sunnah dan hukum-hukum Syari'ah. Justeru, kegagalan menguasai ilmu ini mampu menjejaskan pemahaman seseorang walaupun hanya sepotong ayat. Ringkasnya, mempelajari sintaksis adalah signifikan kerana ia merupakan salah satu cara untuk memahami maksud al-Quran (Janudin Sardi, 2009).

### **2.0 LATARBELAKANG KAJIAN**

Madrasah Alsagoff Al-Arabiah yang dibina pada tahun 1912 di Singapura merupakan bangunan wakaf yang diberi oleh Syed Mohamed bin Ahmed. Ia beroperasi sebagai sebuah sekolah yang memberi penekanan terhadap subjek agama dan bahasa Arab. Secara tepat, subjek sintaksis Arab mula diperkenalkan kepada pelajar seawal peringkat rendah darjah

empat supaya pelajar mampu menguasai pembelajaran bahasa Arab dengan baik dan mengaplikasi tatabahasa sintaksis Arab dalam struktur ayat, baik dalam pelajaran bahasa Arab mahupun pendidikan Islam. (Majalah Assirat, 1982)

Susunan silibus yang teliti dalam subjek sintaksis sudah dipraktikkan bermula pada ketika pelajaran ini diperkenalkan. Buku utama yang digunakan ialah 'Al-Nahwu al-Arabiy' sebanyak tiga jilid yang disusun oleh al-Marhum ustaz Syed Muhammad Alwie al-Idrus. Ia kini telah ditambahbaik, disunting dan dikenali sebagai al-Nahw al-Arabiy al-Jadid' (1999).

Susunan tajuk dalam buku tersebut banyak membahaskan tentang huruf Yā' dan penggunaannya yang pelbagai walau ia tidak dihimpunkan dalam satu tajuk besar. Akibatnya, kesinambungan silibus juga tidak dapat dihubungkan secara langsung. Sebagai contoh dalam tajuk al-Ma'lūm wa al-Majhūl, contoh : du'ya, tidak menyentuh huruf Yā' pada keseluruhana kerana hanya beberapa contoh sahaja yang boleh didapati huruf Yā' iaitu jika berlaku pertukaran dari al-Ma'lūm kepada al-Majhūl pada hujung huruf mu'tal.

Contoh lain adalah fungsi antara Yā' al-Mutakallīm dan Yā' al-Muannathati al-Mukhāṭabah (damīr anti) - Yā' fā'l yang bermaksud pelaku. " يا بنتي لا تلعي كثيرا ", Yā bintī lā tal'bi kathīran. Penggunaan Yā' keduanya adalah sama, baik dalam penulisan mahupun bunyian namun ia membawa maksud dan pengertian yang berbeza dan tiada kaitan antara satu sama lain.


Oleh itu, tenaga pengajar perlu mengaitkan semula topik yang lepas dalam pengajarannya kerana usaha tersebut akan berkesan kerana pelajar akan sentiasa mengingati qawa'd sintaksis Arab dan seterusnya dapat mengurangkan risiko berlaku kekeliruan dan kesukaran pada peringkat yang lebih tinggi. (Zauwiah Abidin, 2015)

### **3.0 HURUF YĀ' DALAM SINTAKSIS BAHASA ARAB**

Dalam sintaksis bahasa Arab, huruf yang mempunyai peranan sebagai kata peranti iaitu kata tugas yang mempunyai makna sendiri ialah huruf Hamzah, Tā', Sīn, Fā', Kāf, Lām dan Wāw (Mohd Zaki Abd. Rahman, 2001). Lisān al-A'rab dan Al-Mu'jam al-Wasīṭ juga menyatakan bahawa huruf Yā' berperanan sebagai kata peranti.

Huruf Yā' secara khusus pula merupakan satu huruf yang mudah disebut dan selalu didengar dan dikenali kerana ia merupakan huruf hijaiyyah yang ke dua puluh lapan iaitu yang terakhir. Huruf tersebut juga mempunyai urutan tajuk di dalam sintaksis Arab yang lebih dari tiga dan ini bukan sahaja boleh mengelirukan seseorang khususnya pelajar dari segi kaedah sintaksis malahan berpotensi sebagai penyebab penyalah tafsiran dari sudut makna.

Lisān al-Arab (2010) ada menyatakan bahawa huruf Yā' terbahagi kepada dua kategori iaitu, (i) pelbagai fungsi bagi penambahan huruf Yā' pada akhir perkataan, (ii) tiada sebarang makna kepada huruf Yā' di akhir perkataan tetapi membawa makna keseluruhan perkataan tersebut. Berikut adalah gambar rajah yang menunjukkan kepelbagaian fungsi huruf Yā' di dalam sintaksis Arab.



Rajah 1: Fungsi Huruf Yā'

Rajah 1 jelas menunjukkan kepelbagaian fungsi huruf Yā' yang mempengaruhi setiap maksud dan makna dari qawā'd sintaksis Arab yang berbeza. Pembahagian kategori pertama iaitu pelbagai fungsi boleh dibahagikan kepada beberapa pecahan lain. Sebagai contoh, Yā' nasab يدوي (yadawiy) mempunyai gabungan sintaksis dan morfologi, Yā' ḍamīr غلامي (ghulamī) dan ضربني (ḍarabānī) pula merupakan Yā' bermaksud ganti nama saya dengan fungsi yang berlainan, غلامي (ghulamī) Yā' ḍamīr bersandar dengan idafah (kata terbitan) yang membawa makna kepunyaan manakala ضربني (ḍarabānī) Yā' ḍamīr sebagai kata penyambut iaitu maf'ūlun bihi. Begitu juga dengan contoh Yā' al-muthannā muḍāf طالبی المدرسة (ṭālibay al-madrasah) yang berfungsi sebagai mansūb ataupun majrūr yang membawa maksud dua pelajar sekolah.

Pembahagian kategori kedua pula iaitu huruf Yā' yang tiada fungsi tetapi membawa makna keseluruhan perkataan tersebut setelah digabungkan dengan huruf-huruf lain. Sebagai contoh: الرائي (al-ra'y) iaitu bermaksud 'pendapat'. Perkataan al-ra'y bila dimasukkan ke dalam struktur ayat, hukumnya akan berubah sama ada al-ra'yu atau al-ra'ya atau al-ra'yi bersesuaian dengan hukum struktur ayat yang ditulis.

Ringkasnya, huruf Yā' mempunyai banyak fungsi yang perlu difahami dan dikuasai kerana peranannya yang banyak dan besar dalam pembentukan perkataan, penggunaan ayat dan pengaplikasian makna.

#### 4.0 HURUF YĀ' DALAM SILIBUS SINTAKSIS MAA

Di Singapura, Madrasah Alsagoff Al-Arabiah merupakan madrasah yang masih mengekalkan kesemua subjek agamanya dalam bahasa Arab. Pelajaran sintaksis Arab mula diperkenalkan kepada pelajar madrasah tersebut seawal darjah empat supaya pelajar mampu menguasai pembelajaran bahasa Arab dengan lebih baik dan langsung dapat menerapkan tatabahasa sintaksis Arab yang dipelajarinya dalam menyusun struktur ayat, baik dalam pelajaran bahasa Arab mahupun Agama.

Tajuk-tajuk huruf Yā' yang berurutan mengikut silibus Madrasah Alsagoff Al-Arabiah dengan buku sintaksisnya bertajuk 'al-Nahw al-Arabiy al-Jadid', jilid 1& 2 dan ia boleh dilihat lebih berpusat kepada peringkat rendah darjah lima. Berikut jadual 1 yang dimaksudkan:

Jadual 1: Silibus Sintaksis Huruf Yā' di Darjah 5

(Sumber dari buku al-Nahw al-Arabiy al-Jadid', jilid 1 & 2)

No.	JENIS YĀ'	CONTOH
1.	Yā al-muthannā maṣṣūb dan majrūr yang bersandar dengan idāfah ياء المثني منصوب ومجرور مضافا	'طالبني العلم' – ṭālibay al-'Imi
2.	Yā' jama' mudhakkār sālim maṣṣūb dan majrūr yang bersandar dengan idāfah ياء جمع المذكر السالم منصوب ومجرور مضافا	'طالبني العلم' – ṭālibī al-'Imi
3.	Yā' al-asmā' al-khamsah majrūr ياء الأسماء الخمسة مجرورا	'لأبي بكر' – li abī bakr(in)
4.	Yā' al-muannathati al-mukhāṭabah (ḍamīr anti) - Yā' fā'l ياء المؤنثة المخاطبة ( بضمير أنت = فاعلا )	'لا تكتبني' - lā taktubī
5.	Ism maṣṣūb اسم منقوص	'القاضي' - al-qaḍī
6.	Yā' al-mutakallīm - Yā' Muḍāf(un) Ilaihi ياء المتكلم ( الياء تكون مضافا إليه )	'أبي' - abī
7.	Muḍāri' mu'tal bi al-Yā' مضارع معتل بالياء	'يقضي' – yaqḍī
8.	Ism zāhir yang berakhir dengan Yā' اسم ظاهر آخره بالياء	'الرأي' - al-ra'y

Manakala jadual 2 berikut pula antara silibus peringkat menengah yang mempunyai huruf Yā' di hujung kalimah dan mempunyai fungsi masing-masing di dalam sintaksis arab yang disusun mengikut susunan buku al-Nahw al-Arabiy al-Jadid', jilid dua dan tiga.

Jadual 2: Silibus Sintaksis Huruf Yā' Tingkatan 1-3  
(Sumber dari buku an-Nahw al-Arabiy al-Jadid', jilid 2 &3)

No.	Tajuk Sintaksis	Contoh	Catatan
1.	Al-Ma'lūm Wa al-Majhūl (المعلوم والمجهول)	دُعِي	Juz 2 - Tingkatan 1
2.	Asmā' al-Isyārah (أسماء الإشارة)	تي	Juz 2 - Tingkatan 2
3.	Al-Asmā' al-Mauṣūlah (الأسماء الموصولة)	الذي ، التي ، اللاتي ، اللواتي ،	Juz 2 - Tingkatan 2
4.	Asmā' al-Istifhām (أسماء الاستفهام)	أَيُّ	Juz 2 - Tingkatan 2
5.	Lā an-Nāfiyah Li al-Jinsi (لا النافية للجنس)	لا سيما ( لا سي / ما )	Juz 3 - Tingkatan 3
6.	Munādā (منادى)	أَيُّ	Juz 3 - Tingkatan 3
7.	Asmā' al-Afāl (أسماء الأفعال)	حي ، وي	Juz 3 - Tingkatan 3

Dengan senarai fungsi yang pelbagai pada satu huruf yang sama iaitu Yā', subjek ini akan menjadi satu titik permulaan sama ada subjek sintaksis ini akan menjadi subjek kegemaran pelajar atau sebaliknya kerana subjek sintaksis Arab ini bakal dipelajari hingga ke peringkat menengah dan pemahaman awal amat penting kerana asas-asas topik ini ada kesinambungan dan kaitannya dengan topik-topik menengah selanjutnya. Ia juga boleh

membantu pemahaman subjek agama yang lain yang menggunakan bahasa Arab sebagai medium bahasa. (Zauwiah Abidin, 2015)

### 5.0 TEORI REVISI BLOOM (2001)

Teori Revisi Bloom (2001) memberi fokus pada proses pembelajaran iaitu dengan merancang kurikulum pengajaran dan pembelajaran. Ia disusun dengan enam aras dalam bentuk hierarki dari urutan terendah hingga peringkat tertinggi. Kerangka ini dinamakan dimensi proses kognitif dan boleh dilihat pada rajah 2 berikut:



Rajah 2: Hiaraki Bloom Revisi Bloom

Ringkasnya, revisi taksonomi Bloom menggambarkan proses pembelajaran dari cara memproses maklumat sehingga proses teratas iaitu mereka suatu yang baharu.

### 6.0 REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian lapangan berbentuk kualitatif. Rakaman temu bual dilakukan selang tiga jam selepas responden membuat ujian bertulis. Lapan orang responden terdiri daripada para pelajar perempuan Madrasah Alsagoff Al-Arabiah dari peringkat darjah enam hingga menengah tiga dengan setiap dua pelajar mewakili kelas mereka dipilih secara rawak.

Secara keseluruhan, sebanyak empat soalan yang dikemukakan, pelajar perlu melengkapkan ayat-ayat dengan perkataan-perkataan yang sesuai seperti yang diminta. Soalan bentuk ini direka untuk mengenal pasti ketetapan pelajar menggunakan huruf Yā' dalam struktur ayat. Soalan-soalan ini direka menggunakan aras kemahiran peringkat ketiga iaitu mengaplikasi.

Proses analisis data pula diurus secara manual berpandukan kerangka (template) yang menilai, mengukur dan memadankan jawapan berdasarkan tahap kerangka teori revisi Bloom bermula dari aras terendah 'mengingat', 'memahami', 'mengaplikasi' hingga ke aras keempat 'menganalisis' (Noraini Idris, 2010).


### 7.0 PERBINCANGAN DAN DAPATAN

Dapatan yang diterima telah bertepatan dengan pepadanan soalan yang direka mengikut tahap tiga teori revisi Bloom iaitu 'mengaplikasi' namun terdapat responden yang mampu melengkapkan ayat dengan tahap 'menganalisis' dan tidak kurang juga yang tidak mampu mencapai tahap tersebut, malah hanya pada aras satu 'mengingat' dan dua 'memahami'.

### Pertama: Tahap ‘Mengaplikasi’

Mengaplikasi seperti yang dimaksudkan sebelumnya ialah tahap ketiga revisi Bloom. Untuk tahap ini, seseorang harus mampu menyelesaikan masalahnya dengan menggunakan prosedur sintaksis yang tepat.

Dapatan ringkas responden boleh dilihat dalam gambar rajah berikut:



Rajah 3: Objektif Kedua Tahap ‘Mengaplikasi’

#### Faktor Pertama: Sintaksis

Contoh hukum sintaksis ini berada dalam ayat adalah seperti berikut:

= دعا المديرُ مدرسيّ المدرسة . جمع مذكر سالم يكون مضافا

Responden dengan mudah mengisi jawapannya dengan tepat seperti yang tertentara di atas.

Dengan arahan yang diminta, responden ini telah menggunakan penguasaan sintaksis secara terperinci semasa menjawab soalan tersebut “Aah jama’ muzakkar sālim sebab yakūn mudāfan, mudarrisī dia jama’ muzakkar, mudarrisīna dia jama’ muzakkar sālim dan dia mudāf juga, sebab mudarrisīl madrasah di- dia ada mudāfun ilaihi kat belakang, kenapa mudarrisī, sebab da’a fe’l, ni fa’l jadi ni maf’ul, maf’ul.. ah maf’ul..”

Responden telah memahami dahulu arahan yang diminta “jama’ muzakkar salim sebab yakūn mudāfan”, selanjutnya mendatangkan misalnya, “mudarrisī dia jama’ muzakkar dan dia mudāf juga, sebab mudarrisīl madrasah” tidak setakat itu, beliau menerangkan juga kenapa penggunaan Yā’ jama’ muzakkar sālim berlaku, “kenapa mudarrisī, sebab da’a fe’l, ni fa’l jadi ni maf’ul”.

Di dalam ayat lain, seperti berikut:

= لا تلعب في الفصل ! ياء المؤنثة المخاطبة مجزوما

Responden telah dapat mengisikan jawapan yang tepat mengikut arahan ayat. Beliau memahami arahan ayat yang diminta, “sebab dia cakap Yā’ muannathati mukhathobah majzuman, manjzūmankan ada harfu majzum”, kemudian memikirkan huruf majzūm yang sesuai, “So, aah kita choose La, sebab la harfu majzum, selepas harf majzum dia kena hazaf dia punya nun so tal’abī (sambil menekan hujung bunyi Yā’ yang berbaris mati)”.

Responden sebegini mampu memberikan jawapan dengan mudah dan tepat kerana menggunakan prosedur sintaksis yang tersusun yakni memahami arahan ayat dan kemudian memilih jawapan yang tepat untuk dimasukkan berdasarkan hukum sintaksis keseluruhan ayat tersebut.

#### 4.2.2 Faktor Kedua: Gabungan Semantik dengan Sintaksis

Soalan yang sama, responden telah memberikan jawapan yang tepat dan pemilihan perkataan yang sama seperti responden sebelumnya:

= دعا المديرُ مدرسيّ المدرسة . جمع مذكر سالم يكون مضافا

Namun berbeza sedikit dalam pengaplikasian jawapannya. Responden memahami terlebih dahulu makna dalam ayat yang perlu disambung, “da’a kan maknanya panggil, so mudir panggil aah apa..apa tu.. guru-guru kelas...”, kemudian menerangkan hukum sintaksis, “... kita tengok da’a mudir, mudir fa’il, lepas tu kita lagi taruk lagi mudarrisu al-fasli”

Responden ini amat memahami hukum sintaksis tentang penggunaan Yā' dan mampu membetulkan jawabannya semula yang dianggap cuai pada kertas jawabannya sebelumnya dengan menambah "so actually dia mudarrisi, dia Sīn Yā' pastu actually dia Yā'".

Ringkasnya, gabungan dua elemen dalam menyelesaikan masalah merupakan pengukuhan jawapan kerana responden masih menggunakan menerapkan prosedur yang betul ketika menyelesaikan masalah.

#### Kedua: Aras 'Menganalisis'

Tahap mengaplikasi yang digunakan untuk mencapai ukur tara objektif ini telah memadai, namun terdapat responden yang melengkapkan ayat dengan tahap menganalisis iaitu aras keempat revisi Bloom.

Berikut adalah contoh ayat:

قَابِلٌ مَّحْمُودٌ الْهَادِي . الاسم المنقوص =

Responden telah mengisikan jawapan yang tepat dalam garisan di atas. Dengan menerangkan satu persatu prosedur hukum sintaksis "Aaah qābala dia fe'l Mahmud dia fā'l, ni dia punya maf'ul dan maf'ul dia qāḍiyah (sambil menekankan intonasi ḍiyah) sebab qaḍī daripada ism manqus...", sambil menganalisis iaitu menentukan unsur yang dapat berfungsi yang menjadi struktur yang paling berkait, "and mafūlun bihi nak kena ada baris fathah." Pada contoh yang sama, jawapan berbeza telah diberikan tetapi tetap tepat seperti berikut:

قَابِلٌ مَّحْمُودٌ الدَاعِي . الاسم المنقوص =

Responden telah menggunakan pendekatan yang berlainan dengan menggunakan tips pengajaran guru untuk membezakan terdahulu tajuk arahan antara maqsur dan manqus sebelum melengkapkan jawapan seperti berikut:

"so ism manqus, dia, ustazah cakap maqsur manqus kan masa p5kan (dengan gaya semangat menceritakan waktu responden berada darjah lima, beliau telah belajar tajuk tersebut sambil mendongak ke arah penemuduga untuk bercerita), maqsur manqus, maqsur dia alif manqus dia ya', So قَابِلٌ مَّحْمُودٌ الدَاعِي , ya (ي) armmm sebab dia boleh ada fathah kat atas, sebab dia mafu'l, so saya letak addāiyah (sambil menekankan intonasi dāiyah).

Begitu juga dalam contoh ayat yang berlainan:

أَحْسِنُ إِلَى ذِي الْعِلْمِ . اسم من الأسماء الخمسة =

Responden telah memberikan jawapan zīl ilmi, jawapan yang tepat dengan menghuraikan prosedur sintaksis yang lengkap "Ok, sebab dia cakap minal asmaul kahmsah, asmaul kahmsah abun, akhun, hamun fū zū so.. ahsin ilā zi ilmi (أحسن إلى ذي العلم) ilā ..zī.. so se armmm kalau sebelum dia harfu, harf jar pastu sebelah dia kena zī ilmi, ilmi mii sebab armmm dia mudāafun ilaihi."

Responden mendatangkan dahulu senarai al-asmā' al-khamsah "abun, akhun, hamun fū zū", kemudian melihat struktur ayat yang mempunyai harfu al-jar "so se armmm kalau sebelum dia harfu, harf jar..." sebab itu beliau menggunakan jawapan Yā' pada zī "pastu sebelah dia kena zī ilmi", kemudian hukum al-asmā' al-khamsah perlu pada penambahan perkataan ism di belakang iaitu mudāafun ilaihi "ilmi mii sebab armmm dia mudāafun ilaihi.

Oleh itu, maksud menganalisis dalam kategori ini ialah apabila seseorang itu mampu menerangkan hukum sintaksis yang lengkap diikuti dengan penerangan i'rabnya.

#### Ketiga: Aras 'Memahami'

Di sebalik dapatan tahap yang lebih tinggi, pengkaji mendapati terdapat responden yang tidak dapat mencapai tahap yang dikehendaki iaitu 'mengaplikasi' sebaliknya hanya berada pada tahap 'memahami'. Contoh soalan seperti berikut:

أَحْسِنُ إِلَى أَخِي . اسم من الأسماء الخمسة =

Jawapan yang dikemukakan oleh responden tersebut adalah kurang tepat. Beliau hanya memahami apa yang dimaksudkan dengan ism min al-asma' al-khamsah dan pengukuhan

dalam kem sintaksis yang pernah dihidirinya membantu ingatannya dalam tajuk tersebut, “Ahh ni yakin (jawabnya semangat) pasal ni asma’ul khamsah, baru saya teringat.. apa kemmm nahu eh?? Saya rasa saya ingat dorang ada recap balik, jadi saya ingat akhi, akhi salah satu daripada asmaul khamsah”.

Namun dengan mengingat senarai ism yang lima dan memahami penggunaan dengan menukar kepada akhi belum cukup untuk mendapat jawapan yang tepat kerana penerangan sintaksis responden belum cukup lengkap, malah responden tidak menyedari bahawa jawapan yang diberi itu telah membawa kepada makna dan tajuk sintaksis yang lain iaitu Yā’ mutakallim.

Dalam ayat yang lain, seperti berikut:

= دعا المديرُ مراقبو المدرسة . جمع مذكر سالم يكون مضافا

Responden ini juga telah memberikan jawapan yang tidak tepat dengan penerangannya, “Sebab ah. saya ragu sikit sebab yang ‘muraqibū’ saya letak aah.. since dia nak mudāf, habis saya letak aah saya hazf nun dia, ni saya, saya tak tahu kenapa saya hazf, mungkin saya keliru ah antara armm fe’il dengan fa’il, itulah sebab”.

Responden hanya memberikan jawapan yang dikehendaki mengikut arahan yang diberikan “since dia nak mudaf, habis saya letak aah saya hazf nun dia” dan tidak memasukkan jawapannya mengikut struktur ayat.

Akibatnya responden melakukan kesalahan dari struktur hukum sintaksis pada ayat tersebut yang sepatutnya menggunakan hukum Yā’ مراقبي bukan waw seperti di dalam jawapan di atas iaitu مراقبو . Responden ini juga secara sedar tidak begitu yakin dengan penggunaan jawapan hukum yang diberinya sendiri, “saya hazf nun dia, ni saya, saya tak tahu kenapa saya hazf”.

Kesimpulannya, responden dalam tahap ini tidak mampu memberi jawapan yang tepat seperti yang dikehendaki walaupun ciri-ciri arahan yang diminta dapat diberikan.

#### Keempat: Aras ‘Mengingat’

Terdapat juga dapatan yang diterima dalam objektif kedua ini di mana pelajar berada pada tahap yang paling bawah iaitu tahap ‘mengingat’ dengan menggunakan asas hukum sintaksis dan morfologi yang diingat.

Sintaksis

Berikut adalah contoh asas sintaksis yang digunakan responden dalam ayat berikut:

= دعا المديرُ الطالبون . جمع مذكر سالم يكون مضافا

Jawapan yang diberikan responden adalah salah sama sekali. Responden hanya mengingat hukum sintaksis asas sahaja iaitu pada tajuk jama’ muzakkar sālim, namun tidak tahu tentang kegunaan hukum jika menjadi mudāf, “aah, bukan susah tetapi saya tidak tahu tentang dia punya penggunaan, saya tidak rasa ayat saya ni tepat dan (-)”. Pengetahuan responden begitu terhad dan beliau tidak mampu memasukkannya dalam struktur ayat sintaksis yang betul.

Di dalam contoh lain pada soalan:

= أحسنُ إلى أبيك اسم من الأسماء الخمسة

Responden telah memberikan jawapan yang betul, namun tidak yakin tentang ketepatan jawapan yang diberi. Menurut beliau, “Ism minal asmaul khamsah saya tahu, ah, ah ism-ismnya tetapi saya rasa ayat ini tidak kena”.

Hal ini berlaku berikutan pengetahuan responden terhad pada hukum sintaksis asas, “saya tahu, ah, ah ism-ismnya tetapi...” iaitu hanya pada tahap mengingat pada jawapan yang relevan dari ingatan jangka panjangnya dan jawapannya yang betul ini berupa kebetulan.



## Morfologi

Terdapat juga responden yang hanya menggunakan pengetahuan asas morfologi dalam melengkapkan ayat berikut:

يا المؤنثة المخاطبة مجزوما = اجلسي في الفصل !

Jawapan yang diberikan responden tersebut adalah salah. Menurut beliau, “kerana ijlisī seperti fe’il amr yang bermaksud menyuruh gitu, dan islisī fil fasl macam kena, tetapi tidak tahu kalau ijlisī ni ialah Yā’ dia tu Yā’ muannath majzuman.”

Kesilapan besar responden ini ialah beliau tidak menggunakan hukum sintaksis sebagai kayu ukur dalam melengkapkan ayat, malah hanya melihat pada struktur ayat “islisī fil fasl macam kena”, tidak melihat pada prosedur pertama arahan yang diminta iaitu yā’ al-muannath al-mukhatbah majzuman.

Akibat menggunakan hukum morfologi tanpa mengaitkannya dengan hukum sintaksis, responden telah berada pada tahap mengingat pada fahaman yang terhad bahawa majzūm ada Yā’ namun tidak dapat mengaitkan pada hukum sintaksis yang sebenar, “tidak tahu kalau ijlisī ni ialah Yā’ dia tu Yā’ muannath majzuman.”

## 8.0 RUMUSAN

Hasil dari contoh-contoh ayat di atas memberikan rumusan berikut:

Dalam mengenal pasti ketetapan pelajar menggunakan fungsi Yā’ dalam struktur ayat, empat tahap kognitif revisi Bloom telah dikenal pasti, bermula dari tahap terendah ‘mengingat’ hingga ke tahap keempat ‘menganalisis’.

Responden yang berada pada tahap satu ‘mengingat’ dan dua ‘memahami’ menghadapi kesukaran dalam meletakkan fungsi Yā’ dalam struktur ayat.

Tahap ketiga iaitu ‘mengaplikasi’ adalah tahap minima untuk mendapatkan ketetapan penggunaan fungsi Yā’ dalam struktur ayat dengan prosedur kaedah sintaksis.

Kesukaran dirasakan oleh responden pada tahap pertama iaitu ‘mengingat’ kerana pembinaan ayat memerlukan penguasaan sintaksis yang baik dan pelbagai faktor diperlukan seperti pemilihan perkataan dan baris yang tepat, makna ayat dan bagaimana perkataan yang dipilih dimasukkan bersesuaian dengan struktur ayat pula.

Kekerapan responden pada tahap kedua iaitu ‘memahami’, mendapatkan pemilihan perkataan yang tepat dengan arahan namun sering tidak bertepatan dengan struktur ayat yang ada.

Responden yang mampu berada ke tahap keempat ‘menganalisis’ didapati lebih mudah menyelesaikan dan menjawab permasalahan yang ditimbulkan.

Elemen tambahan seperti tips pengajaran guru dan kem nahu yang telah diadakan antara elemen yang telah membantu responden untuk mendapatkan jawapan.

## 9.0 CADANGAN

Untuk memantapkan pembelajaran sintaksis dalam struktur ayat, beberapa cadangan seperti berikut perlu dipertimbangkan:

Guru bahasa Arab yang mengajar ilmu sintaksis khususnya harus mengajar secara terperinci dan jelas setiap tajuk fungsi huruf Yā’. Ia boleh dicapai sekiranya guru subjek tersebut mampu menguasai setiap topik sintaksis dengan baik dan sentiasa mengaitkan semula serta membuat perbandingan akan tajuk fungsi huruf Yā’ yang lepas dengan topik baharu yang sedang diajar.

Ilmu sintaksis bahasa Arab mesti diajar dengan memperkenalkan kaedah-kaedah yang jelas dan mudah untuk diingati. Pelbagai bentuk dan konsep pengajaran sama ada menggunakan gambar rajah, objek mahupun dengan bentuk cerita yang sesuai untuk dihubungkan dalam topik yang sedang diajar. Kerana setiap pelajar mempunyai

kemampuan yang berbeza-beza dalam mengingat dan memahami fakta-fakta kaedah sintaksis yang banyak dan pelbagai.

Latih tubi dengan pelbagai bentuk atau corak soalan dan ayat adalah penting agar pelajar dapat sentiasa mengingat kembali topik-topik yang telah dipelajari dan mengaitkan pula dengan topik yang sedang dipelajari.

Aktiviti yang menyeronokkan seperti kem nahu merupakan contoh yang wajar dilaksanakan sebagai salah satu cara untuk memperkukuhkan ingatan jangka panjang.

Ilmu sintaksis tidak boleh dipelajari dengan menggunakan struktur logik, morfologi dan semantik semata, sebaliknya menggabungkan elemen tersebut dengan ilmu sintaksis atau memahami secara berasingan setiap prosedur kaedah sintaksis dengan terperinci kerana ia lebih dominan.

## 10.0 KESIMPULAN

Responden yang berada pada tahap ‘mengaplikasi’ akan mampu mengenal pasti ketetapan penggunaan huruf Yā’ dalam struktur ayat. Ini kerana pelajar tersebut mempunyai pengetahuan sintaksis yang baik sehingga mampu mengikut prosedur yang tepat dalam melengkapkan ayat-ayat sintaksis. Namun, pelajar yang berada pada tahap ‘menganalisis’ akan jauh lebih mampu membezakan, menentukan dan mengaitkan pelbagai fungsi Yā’ yang ada dengan menggunakan kekuatan kaedah sintaksis yang tepat lagi konkrit. Manakala pelajar yang berada pada aras kedua ‘memahami’ masih belum mampu memberikan penjelasan yang tepat dalam meletakkan perkataan dalam struktur ayat. Apatah lagi pelajar yang berada tahap asas sintaksis ‘mengingat’, akibatnya mereka akan mula berasa dan beranggapan bahawa ilmu sintaksis ini adalah ilmu yang amat sukar untuk difahami lagi rumit.

## RUJUKAN

- Abdul al-Rahman bin Muhammad bin Khaldun. Muqaddimah Ibn Khaldun. Juz 1. Bairut, Lubnan.
- Abdul Ghani Md. Hassan. (1999). Kesilapan Membina Ayat Asas Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Anderson, Lorin W. & Krathwohl, David R. (2001). A Taxonomy for Learning, Teaching and Assessing: a Revision of Bloom’s Taxonomy. New York. Longman Publishing.
- Ashinda Aladdin. (1998). Kekeliruan Antara Al-Idāfat dan Al-Na‘at di Kalangan Pelajar Melayu. Ijazah Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Chua Yan Piaw. (2011). Kaedah Penyelidikan. Edisi kedua. Mc Graw Hill Malaysia Sdn. Bhd.
- Janudin Sardi. (2009). Pembelajaran Nahu dalam Bahasa Arab Komunikasi Menggunakan Aplikasi Multimedia Berasaskan Web. Ijazah Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Madrasah Alsagoff Al-Arabiah. (1982). Assirat. Madrasah Alsagoff Al-Arabiah, Singapura.
- Mohd Zaki Abd. Rahman. (2001). Huruf Dalam Bahasa Arab: Nilai Dan Kegunaannya. Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Muhammad Alwī Al-‘īderūs. (1999). *Al-Nahw al-‘Arabiy Al-Jadīd*. Jilid 1-3. Cetakan Pertama. Pustaka Nasional Ptd Ltd. Singapura.

Muhammad Mukrim bin Manzūr. (2010). *Lisān al-‘Arab*. Jilid 15. Dār Sāder. Bairut, Lubenon.

Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*, McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd, Kuala Lumpur.

Pedoman Transliterasi Perkataan Arab Ke Ejaan Rumi. (2008). Edisi kedua. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia.

Suhaila Zailani @ Haji Ahmad dan Salamiah Ab. Ghani dan Ummu Hani Hj. Hashim dan Khazri Osman dan Zainuddin Ismail dan Hakim Zainal. (2012). *Modul Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Menerusi Al-Quran*. Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab. Unit Bahasa Arab, UKM, Bangi. 255-256.

Zauwiah Abidin. (2015). *Penggunaan Huruf Yā’ dalam Sintaksis Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Madrasah Alsagoff Al-Arabiah*, Singapura. Sarjana Falsafah. Universiti Teknologi Malaysia.